

Nadi TranslasiTM

@IDEA-UKM

04

Bicara IDEA Siri 1 - 7

15

Raja Muda Selangor Rasmi
PERMATA@Pintar, Pusat IDEA
Tampilkan Pameran Inovasi Unggul

17

UKM Iktiraf Kumpulan Penyelidikan
Universiti Fasa 2 & Projek Gegar
Gamat Pemacu Inovasi serta Lancar
Buku Gegar Gamat Pemacu Inovasi

18

Pusat IDEA UKM Lancar Podcast
Cetusan IDEA, Fokuskan
Penyelidikan Translasi dan Inovasi

23

Memorandum Persefahaman (MoU)
antara Universiti Kebangsaan Malaysia
(UKM) dan Jabatan Pembangunan
Kemahiran (JPK)



Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera,

Penasihat

Prof. Dr. Jamia Azdina Jamal
Pengarah
Pusat IDEA UKM

Ketua Editor

Prof. Madya Dr. Wan Zawiah Wan Zin
Timbalan Pengarah
Pusat IDEA UKM

Timbalan Ketua Editor

Puan Nor Eloni Nor Azmi
Ketua Pentadbiran
Pusat IDEA UKM

Sidang Editor

Prof. Dr. Zulkefly Abdul Karim
Prof. Dr. Muhammad Rizal Razman
Prof. Dr. Salasiah Hanin Hamjah
Prof. Dr. Norbahiah Misran
Prof. Dr. Poh Bee Koon

Editor Teknikal

Encik Mohd Syukri Ismail
Encik Mohd Nur Hakim Azmi
Puan Izziati Mas Adaveena Abdul Ghani
Cik Nurul Nadziffah Kamaruzaman
Cik Siti Aisyah Zakaria

Konsep dan Rekaan

Puan Nor Eloni Nor Azmi
Cik Siti Aisyah Zakaria

Penghargaan



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pusat IDEA UKM terlebih dahulu. Buletin ini diterbitkan dalam talian secara tahunan.

Diterbitkan oleh

Pusat IDEA Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

<https://www.ukm.my/ideaukm/>
E-mel: idea@ukm.edu.my
03-8911 8266

Saya memanjatkan sepenuh kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat-Nya, Buletin Nadi Translasi@IDEA-UKM telah berjaya diterbitkan hasil kerjasama antara sidang editor IDEA dan editor teknikal IDEA keseluruhannya. Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga Pusat IDEA yang telah berusaha mengumpul dan menerbitkan Buletin Nadi Translasi@IDEA-UKM untuk dikongsikan bersama warga dan bukan warga UKM.

Edisi sulung Buletin Nadi Translasi@IDEA-UKM merangkumi kesemua siri Bicara IDEA yang telah dijalankan semenjak pertama kali diperkenalkan pada 11 Oktober 2023, serta memaparkan aktiviti-aktiviti berimpak yang dijalankan oleh Pusat IDEA UKM sepanjang tahun 2024 dengan penglibatan lima Kluster Penyelidikan UKM: Kluster Teknologi Digital dan Terkehadapan, Kluster Sumber Lestari dan Alam Sekitar, Kluster Kesihatan dan Perubatan Termaju, Kluster Transformasi dan Sosial Ekonomi dan Kluster Warisan dan Masyarakat Madani.

Akhir kata, saya berharap penerbitan Buletin Nadi Translasi@IDEA-UKM dapat dimanfaatkan bersama dan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua sidang editor dan editor teknikal Pusat IDEA UKM kerana telah berjaya menerbitkan buletin ini.



Prof. Dr. Jamia Azdina Jamal

Pengarah
Pusat IDEA
Universiti Kebangsaan Malaysia

Isi KANDUNGAN

04

Tergugatkah
Perundangan Kanun
Jenayah di Malaysia?

05

60 Tahun Penubuhan
Malaysia: Cabaran
Pembinaan Negara
Bangsa

06

Halatuju Industri
Kreatif Negara
sebagai Sumber
Ekonomi Baharu

07

Peralihan Tenaga:
Bersedikah Kita?

08

Kos Sara Hidup:
Realiti atau Fantasi?

09

Membina
Keupayaan
Menjamin
Kelestarian

10

Pemeriksaan Emosi
dan Akal: Ke Arah
Minda Sihat

11

Perancangan
Strategik 2024
Pusat IDEA

12

Potensi Projek
Penyelidikan Tasik Chini
Berdasarkan Ekonomi
Warisan

13

Idea Pemeriksaan KPU
Kluster Kesihatan dan
Perubatan Termaju

14

Pengurusan Projek
Penyelidikan & Pemurnian
Model Pementoran
Penyelidikan

15

Raja Muda Selangor
Rasmi PERMATA@Pintar,
Pusat IDEA Tampillkan Pameran
Inovasi Unggul

16

Halal Pharmaceutical
Symposium 2024:
Kerjasama Duopharma,
Fakulti Farmasi & IDEA UKM

17

UKM Iktiraf Kumpulan
Penyelidikan Universiti Fasa 2 &
Projek Gegar Gamat Pemacu
Inovasi serta Lancar Buku Gegar
Gamat Pemacu Inovasi

18

Pusat IDEA UKM
Lancar Podcast Cetusan IDEA,
Fokuskan Penyelidikan
Translasi dan Inovasi

23

Memorandum Persefahaman
(MoU) antara Universiti
Kebangsaan Malaysia (UKM)
dan Jabatan Pembangunan
Kemahiran (JPK)

Tergugatkah Perundangan Kanun Jenayah Syariah di Malaysia?

Prof. Dr. Salasiah Hanin Hamjah
Nurul Nadziffah Kamaruzaman
Pusat IDEA UKM



Pada 11 Oktober 2023 yang lalu, Pusat IDEA UKM telah menganjurkan acara Bicara IDEA Siri 1 bertajuk “Konflik Undang-Undang Syariah dan Sivil: Tergugatkah Perundangan Kanun Jenayah Syariah di Malaysia?” di Persada Canselor UKM. Program yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari ini telah menarik perhatian ramai, khususnya dalam kalangan warga universiti, yang ingin mendalami pertembungan antara dua sistem undang-undang utama di Malaysia.

Bicara IDEA Siri 1 turut diserikan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi UKM, Prof. Dato’ Dr. Wan Kamal Mujani, yang menyokong inisiatif ini dan menunjukkan komitmen universiti dalam meningkatkan pengetahuan warga UKM.

Bicara ini menampilkan dua ahli panel yang berwibawa dengan kepakaran dalam bidang undang-undang iaitu YBrs. Tuan Musa Awang, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia, dan YA Dato’ Abas Bin Nordin, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah dalam Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. Perbincangan akan dikendalikan oleh YBhg. Madya Dato’ Dr Mohd Izhar Ariff bin Mohd Kashim, yang berkhidmat sebagai Timbalan Dekan Jaringan, Industri dan Hal Ehwal Masyarakat di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Bicara IDEA Siri 1 bukan sahaja sebagai platform perbincangan yang menarik tetapi juga sebagai peluang kepada ahli komuniti UKM untuk meneroka isu-isu penting dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai. Sesi ini memberikan para peserta kefahaman yang lebih baik tentang cabaran dan kemungkinan untuk mendedaikan sistem perundangan yang berbeza untuk faedah negara.



sadaCANSELORI





BICARA IDEA SIRI 2



**Tahun Penubuhan Malaysia:
Cabaran Pembinaan
Negara Bangsa**

Prof. Dr. Zulkefly Abdul Karim
Izzati Mas Adaveena Abdul Ghani
Pusat IDEA UKM

Bicara IDEA Siri 2 bertempat di Persada Canselori telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi UKM, Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani. Perbincangan dimoderasi oleh moderator YBrs. Tuan Sayed Munawar Sayed Mohd Mustar, dengan menampilkan tiga panelis utama: YBhg. Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, YBhg. Dato' Dr. Madeline Berma, dan YBhg. Profesor Emeritus Datuk Dr. Teo Kok Seong.

Sesi ini memberi tumpuan kepada cabaran dalam membina negara bangsa Malaysia selepas 60 tahun kemerdekaan, serta pentingnya penyatuan pelbagai etnik, pembangunan ekonomi, dan sosial yang inklusif.

Membina sebuah negara bangsa bukanlah sesuatu yang mudah. Pelbagai cabaran dan halangan yang perlu dihadapi untuk membina sebuah negara bangsa yang kukuh dan stabil dari segi politik, ekonomi, sosial dan lain-lain.

Begitu juga dengan pembinaan negara bangsa tercinta, Malaysia. Pelbagai cabaran yang dihadapi dan perlu ditangani bagi membina sebuah negara bangsa yang sistematik, negara yang membangun dan harmoni seperti sekarang.

Hadir sama mendengar forum ini adalah Pengarah Pusat IDEA, Prof. Dr. Jamia Azdina Jamal dan Pengarah MINDA-UKM, Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali.





BICARA IDEA SIRI 3

Halatuju Industri Kreatif Negara sebagai Sumber Ekonomi Baharu

Prof. Dr. Zulkefly Abdul Karim
Mohd Nur Hakim Azmi
Pusat IDEA UKM



Bicara ini telah melibatkan tiga orang ahli panel iaitu Dato' Kamil Bin Othman (Pengerusi, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Ts. Dr. Jazmi Izwan Bin Jamal (Pegarah, Future Creative School Akademi Seni Budaya Dan Warisan (ASWARA)) dan Encik Karyabudi Bin Mohamed Aris (Pegarah Pemasaran, Jualan & Pelesenan, Les' Copaque Production Sdn. Bhd.) dan dimoderasi oleh Tuan Sayed Munwar Sayed Mohd Mustar. Forum perbincangan ini diadakan bagi melontar idea dan fakta secara tuntas mengenai topik yang diketengahkan.

Melalui platform ini peserta yang hadir dapat menimba maklumat secara terus daripada ahli panel berpengalaman. Secara tidak langsung, dapat meneroka ruang penyelidikan yang memberi impak kepada komuniti dan negara. Selain itu, forum ini juga menjadi medan untuk bertukar pandangan dan pengalaman antara golongan profesional dan akademik dalam industri kreatif.

Ahli panel berkongsi pelbagai perspektif mengenai bagaimana industri kreatif dapat diperkasakan sebagai sumber ekonomi baharu. Mereka juga membincangkan strategi untuk memupuk bakat tempatan dan memperluaskan pasaran industri ini ke peringkat global. Komitmen untuk meningkatkan ilmu, mutu, dan budi dalam kalangan penggiat industri turut ditekankan, dengan harapan dapat melahirkan generasi kreatif yang dinamik dan berdaya saing.



“Peralihan Tenaga: Bersediakah Kita?”

Prof. Dr. Norbahiah Misran
Izzati Mas Adaveena Abdul Ghani
Pusat IDEA UKM

Jurutera Elektrik, Jabatan Kerja Raya (JKR), Ir. Dr. Muhaimin Mahmud; Pengarah Perancangan Strategik, Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA), Encik Saiful Hakim Abdul Rahman serta pempamer dan pembentang projek kereta elektrik (EVC), Ir. Dzulhadi Sapari dari Jabatan Kerja Raya.

Sesi tersebut diakhiri dengan sesi soal jawab yang interaktif, yang mana hadirin berpeluang untuk bertanya dan mendapatkan penjelasan lanjut daripada ahli panel. Bicara IDEA ini bukan sahaja memberikan ilmu pengetahuan yang mendalam tentang tenaga lestari tetapi juga menginspirasi hadirin untuk lebih terlibat dalam usaha ke arah masa depan yang lebih mampan.



Bicara IDEA Siri 4 ini membawa isu berkenaan kesediaan masyarakat terhadap peralihan tenaga boleh baharu bagi menggantikan sumber tenaga konvensional. Terdapat keperluan ke arah ini bagi menyokong kelestarian sumber tenaga yang diperlukan dalam kehidupan seharian.

Bicara yang telah diadakan di Persada Canselori, UKM pada 27 Jun 2024, telah dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd. Razak.

Bicara IDEA ini dimoderasi oleh Timbalan Pengarah Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI) UKM, Prof. Madya Dr. Norasikin Ahmad Ludin dengan barisan empat orang ahli panel iaitu Pengarah Peralihan Tenaga, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Dr. Noor Miza Razali;





BICARA IDEA SIRI 5

Kos Sara Hidup: Realiti atau Fantasi?

Prof. Dr. Zulkefly Abdul Karim
Mohd Nur Hakim Azmi
Pusat IDEA UKM

Dalam usaha mencerakinkan idea melalui isu kos sara hidup, Pusat IDEA telah mengambil inisiatif membuka ruang bicara pada 5 Ogos 2024, yang berlangsung di Auditorium Akademia Siber Teknopolis, UKM.

Pandangan yang bernas untuk difikir bersama dikupas dalam Bicara IDEA Siri 5 yang telah dimoderasi oleh Pengarah Pusat Perhubungan Alumni UKM, Dr. Roslan Jaafar dengan tiga ahli panel iaitu Pengerusi Permodalan RISDA Berhad, Dato' Lokman Noor Adam, Atase Pendidikan dan Kebudayaan, Perwakilan Republik Indonesia Kuala Lumpur, Prof Dr. Muhammad Firdaus dan Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UKM merangkap ahli Kumpulan Penyelidikan UKM Kelestarian Sempadan, Prof Madya Dr. Norlin Khalid.

Ucapan perasmian telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dato' Dr. Wan Kamal Mujani,



SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



manakala Naib Canselor, Prof Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman meluangkan masa menyampaikan cenderamata kepada ahli panel jemputan.

Program ini bertujuan untuk membincangkan isu semasa mengenai kos sara hidup di Malaysia, serta bagaimana ia memberi impak kepada rakyat, khususnya kepada golongan muda serta golongan berpendapatan rendah. Sesi ini memberi peluang kepada peserta untuk memahami lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi kos sara hidup serta langkah-langkah penyelesaian yang boleh diambil oleh pihak kerajaan dan masyarakat.

Hadir sama dalam syarahan ini Pusat IDEA, Prof Dr. Jamia Azdina Jamal serta pegawai kanan UKM yang lain. Tahniat kepada Pusat IDEA kerana telah merealisasikan hasrat universiti watan dengan menganjurkan Bicara Idea ini sebagai ruang bertukar pandangan dan pendapat.



BICARA IDEA SIRI 6

Membina Keupayaan Menjamin Kelestarian

Prof. Dr. Muhammad Rizal Razman
Mohd Syukri Ismail
Pusat IDEA UKM

Perunding Pengurangan Risiko Bencana UNICEF, En. Ahmad Sufyan bin Mohamed Aslam, Ketua Penolong Pengarah Seksyen Mitigasi, Bahagian Perancangan dan Persediaan (Dasar), Agensi Pengurusan Bencana (NADMA), Pn. Siti Mariam binti Abu dan Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Pengurusan Kebajikan dan Kesihatan Murid, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), En. Mohd Fakarudin bin Hussain.

Ucapan aluan telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pusat IDEA UKM, Prof. Madya Dr. Wan Zawiah binti Wan Zin @ Wan Ibrahim. Hadir sama dalam sesi bicara ini Pengeraju Kluster Penyelidikan Sumber Lestari, Alam Sekitar dan Kehidupan Pintar (SLASKP) UKM, Prof. Dr. Muhamad Rizal bin Razman, Pengeraju Kluster Penyelidikan Kesihatan dan Perubatan Termaju (KPT) UKM, Prof. Dr. Poh Bee Koon serta pegawai kanan UKM yang lain. Bicara IDEA Siri 6 kali ini telah berjaya menarik minat kehadiran pegawai agensi kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor, Jabatan Meteorologi Malaysia, penyelidik berkaitan bidang, pelajar UKM, pelajar sekolah berdekatan seperti SMK Jalan Reko dan SMAP Kajang.


UKM mengambil cakna insiden-insiden bencana alam dan industri yang berlaku dalam negara kita sejak kebelakangan ini. Oleh yang demikian, Pusat IDEA menerusi Kluster Penyelidikan Sumber Lestari, Alam Sekitar dan Kehidupan Pintar (SLASKP) UKM telah mengambil inisiatif membuka ruang bicara bagi membincangkan secara ilmiah di bawah tajuk 'Pendidikan Pengurangan Risiko Bencana: Membina Keupayaan Menjamin Kelestarian' bertempat di Auditorium Siswa, Aras 2, Bangunan Pusanika UKM pada 10 Oktober 2024.

Pandangan yang bernas berdasarkan pengalaman untuk difikir bersama dikupas dalam Bicara IDEA Siri 6 yang telah dipengerusikan oleh Ketua Pusat Kajian Bencana Asia Tenggara, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI-UKM), Dr. Nurfashareena binti Muhamad dengan tiga ahli panel iaitu



Pemeriksaan Emosi dan Akal: Ke Arah Minda Sihat

Prof. Dr. Poh Bee Koon
Nurul Nadziffah Kamaruzaman
Pusat IDEA UKM



Pusat IDEA UKM menerusi Kluster Penyelidikan Kesihatan dan Perubatan Termaju (KPT) UKM telah mengambil inisiatif membuka ruang bicara bagi menyokong Hari Mental Sedunia yang diadakan pada setiap 1 Oktober. Bicara ini membincangkan secara ilmiah tajuk Pemeriksaan Emosi dan Akal: Ke Arah Minda Sihat bertempat di Auditorium Siswa, Aras 2, Bangunan Pusanika UKM pada 21 November 2024.

Pandangan yang bernas berhubung isu kesihatan mental di Malaysia, perkhidmatan yang disediakan, serta peranan agensi, pakar dan teknologi dalam bidang psikologi dan psikiatri dalam menangani masalah kesihatan mental telah dikupas dalam Bicara IDEA Siri 7 yang telah dipengerusikan oleh Ketua Program Siswazah, Pusat Kajian Kesihatan Komuniti (ReaCH), Fakulti Sains Kesihatan (FSK), YBrs. Prof. Madya Dr. Mahadir Ahmad bersama tiga panelis berpengalaman dalam bidang kesihatan mental dan psikologi, iaitu YBrs. Dr Norli binti Abdul Jabbar dari Kementerian Kesihatan Malaysia, YBhg. Prof. Dr. Firdaus binti Mukhtar dari Universiti Putra Malaysia, dan YBrs. Dr. Karen Christelle dari Klinik Kesihatan Felda Bersia.



Ucapan aluan dan perasmian telah disampaikan oleh Ahli Lembaga Pengarah UKM, YBhg. Prof. Dr. Bariah Mohd Ali. Hadir sama dalam sesi bicara ini Timbalan Pengarah Pusat IDEA UKM, Prof. Madya Dr. Wan Zariah Wan Zin, Pengeraju Kluster Penyelidikan Kesihatan dan Perubatan Termaju (KPT) UKM, Prof. Dr. Poh Bee Koon, Pengeraju Kluster Penyelidikan Warisan dan Masyarakat Madani (WMM) UKM, Prof. Dr. Salasiah Hanin Hamjah serta pegawai kanan UKM yang lain.

Bicara ini menekankan pentingnya keseimbangan antara emosi dan pemikiran rasional dalam mencapai kesejahteraan mental. Panel menggariskan bahawa pemerksaan emosi membolehkan individu menguruskan perasaan dengan sihat, manakala pengurusan akal membantu membuat keputusan yang lebih bijak. Program ini juga menekankan pentingnya sokongan sosial, kesedaran diri, serta penerimaan terhadap kesihatan mental tanpa stigma. Dengan pengurusan yang betul, individu dapat membina minda yang lebih sihat, mengatasi tekanan, dan mencapai kehidupan yang lebih sejahtera.

Bicara IDEA Siri 7 kali ini telah berjaya menarik minat kehadiran kakitangan dari Institut Kanser Negara, Kolej Poly-Tech Mara, penyelidik berkaitan bidang dan para pelajar UKM.



Perancangan Strategik 2024 Pusat IDEA

Prof. Dr. Jamia Azdina Jamal
Nor Eloni Nor Azmi
Pusat IDEA UKM



Bengkel Perancangan Strategik Pusat IDEA telah diadakan pada 12 hingga 14 Januari bertempat di Klana Resort Seremban.

Bengkel ini meneliti prestasi pencapaian inisiatif yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2023 dan seterusnya membuat perancangan secara kolektif program-program yang lebih berimpak pada tahun 2024.

Turut hadir bersama, YBhg. Prof. Dato' Dr. Wan Kamal Mujani, Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan dan Inovasi) Universiti Kebangsaan Malaysia bagi memberi amanat dan sokongan dalam melestarikan perancangan 2024 Pusat IDEA.

Pengarah Pusat IDEA UKM, YBhg. Prof. Dr. Jamia Azdina Jamal telah membentangkan Perancangan Strategik bagi melonjakkan prestasi penyelidikan dan inovasi UKM.

Dengan kerjasama erat antara pihak pengurusan dan penyelidik, Pusat IDEA UKM berhasrat untuk mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Program ini turut disokong oleh pelbagai inisiatif yang bertujuan untuk memperkukuhkan penyelidikan translasi yang dinamik dan inovatif.



Potensi Projek Penyelidikan Tasik Chini Berasaskan Ekonomi Warisan

Prof. Dr. Zulkefly Abdul Karim
Mohd Nur Hakim Azmi
Pusat IDEA UKM



Pusat IDEA telah mengadakan perbincangan bersama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JKK) di Balai Raya Perumahan Dara Chini. Perbincangan ini melibatkan beberapa orang usahawan penduduk kampung sekitarnya yang mengusahakan ekonomi berasaskan warisan. Pusat IDEA turut mengadakan Mesyuarat bersama YB Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chini iaitu YB Mohd Sharim Md Zain pada 13 Februari 2024 di Pusat Khidmat Masyarakat Dun Chini untuk merangka potensi kerjasama bagi penyelidikan yang akan dijalankan.

Topik penyelidikan yang dicadangkan ialah "Pemeriksaan Ekonomi Berasaskan Warisan di Chini, Pahang," bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat dan secara langsung, memberi impak kepada komuniti, dan negara.

YB ADUN telah dimaklumkan bahawa kajian lapangan ini telah dijalankan di Kampung Cendahan, Kampung Gumum Tasik Chini dan Kampung Perumahan Dara Chini. Di samping itu, tujuan mesyuarat diadakan adalah untuk mengoptimalkan kolaborasi bersama Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC) melalui potensi penyelidikan di Tasik Chini.

YB ADUN menyambut baik cadangan yang diusulkan dan bersetuju untuk memberi kerjasama dalam membantu mendapatkan jaringan kolaborasi bersama pihak berkepentingan dan agensi yang terlibat. YB ADUN memberi bayangan bahawa cadangan projek ini akan memberi impak khususnya kepada komuniti di Chini dari aspek ekonomi, sosial dan persekitaran.

Idea Permerksaan KPU Kluster Kesehatan dan Perubatan Termaju (KPT)

Prof. Dr. Poh Bee Koon
Nurul Nadzifah Kamaruzaman
Pusat IDEA UKM



Bengkel Hala Tuju Penyelidikan dan Inovasi ini bertujuan memperkasa peranan Kumpulan Penyelidikan Universiti (KPU) Kesehatan dan Perubatan Termaju (KPT) dalam ekosistem penyelidikan. Bengkel ini turut menjadi platform bagi perbincangan dan pertukaran pendapat berhubung strategi dan halatuju KPU dalam melaksanakan aktiviti penyelidikan dan jaringan penyelidikan.

Program telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh Prof. Madya Dr. Wan Zawiah Wan Zin, Timbalan Pengarah Pusat IDEA UKM dan penerangan berkenaan KPI Teras dan Strategik UKM yang dipantau oleh Pusat IDEA UKM.

Sesi seterusnya diikuti dengan aktiviti berkumpulan yang membincangkan berkenaan cabaran dan hala tuju KPU serta bagaimana KPU dapat membantu mencapai KPI Universiti.

Seramai 20 orang penyelidik yang mewakili Kumpulan Penyelidikan Universiti Kluster Penyelidikan Kesehatan dan Perubatan Termaju dari Fakulti Sains Kesehatan UKM, Fakulti Farmasi UKM, Fakulti Perubatan UKM, Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina UKM, Institut Biologi Molekul Perubatan UKM (UMBI) dan INBIOSIS UKM yang mewakili KPU masing-masing telah hadir untuk memberi sumbang saran bagi memperkasa Kumpulan Penyelidikan Universiti.



Pengurusan Projek Penyelidikan & Pemurnian Model Pementoran Penyelidikan

Prof. Dr. Norbahiah Misran
Izzati Mas Adaveena Abdul Ghani
Pusat IDEA UKM



Kursus Pengurusan Projek Penyelidikan dan Bengkel Penambahbaikan Model Mentor Penyelidikan telah diadakan dari 17 hingga 19 Mei 2024, di Taiping, Perak yang disampaikan oleh Prof Madya Ir. Dr Abang Anuar Ehsan. Bengkel ini bertujuan untuk melengkapkan warga IDEA dengan tatacara pengurusan projek yang lebih bersestematik dan cekap.

Warga IDEA berpeluang mempelajari teknik-teknik terbaru dalam mengendalikan projek penyelidikan, termasuk penggunaan alat bantu digital dan kaedah analisis data yang terkini. Selain itu, bengkel ini juga memberi penekanan kepada aspek kepimpinan dan komunikasi efektif antara mentor dan mentee, yang merupakan elemen penting dalam memastikan kejayaan sesebuah projek penyelidikan.

Program diteruskan dengan perbincangan "Model Pementoran Penyelidikan" yang dimoderasikan oleh Profesor Dr Norbahiah Misran. Model ini merangkumi lima komponen kritikal: konsep asas, penilaian kesediaan, padanan mentor-mentee, strategi pelaksanaan, dan penilaian pemantauan dan impak.

Model Pementoran ialah satu inisiatif yang direka untuk memupuk proses pembentukan dan pengurusan Kumpulan Penyelidikan Universiti (KPU) yang berkualiti tinggi dan produktif. Di samping itu, ia bertujuan untuk menyokong pelan pewarisan, dengan itu memastikan kempamaan bidang kepakaran khusus dalam universiti.



Raja Muda Selangor Rasmi PERMATA@Pintar, Pusat IDEA Tampilkan Pameran Inovasi Unggul

Prof. Madya Dr. Wan Zawiah Wan Zan
Nor Eloni Nor Azmi
Pusat IDEA UKM



Pusat IDEA telah terlibat sebagai urusetia reruai pameran dan turut memainkan peranan penting sebagai penyelaras pameran dalam program ini yang berlangsung pada 24 April 2024 bertempat di Pusat PERMATA@Pintar Negara UKM semasa lawatan Raja Muda Selangor, Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ke UKM sempena program Gagasan Rumpun Selangor di daerah Hulu Langat pada 24 April 2024 bertempat di Pusat PERMATA@Pintar Negara, UKM. Keberangkatan tiba Raja Muda Selangor disambut oleh Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dato' Gs. Ts. Dr. Mohd Ekhwan Hj. Toriman, bersama para pegawai tertinggi universiti serta tetamu kehormat.



Reruai IDEA-UKM mempamerkan hasil penyelidikan daripada projek Gegar Gamat Pemacu Peru bahan dan projek Geran Translasi UKM, yang memperlihatkan bagaimana penyelidikan universiti ini memberi impak langsung kepada masyarakat dan ekonomi.

Projek-projek ini menonjolkan inovasi-inovasi terbaru yang bertujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah global, sekaligus memacu perubahan positif di dalam dan luar negara. Raja Muda Selangor turut berkenan melancarkan program PERMATA@Pintar Antarabangsa semasa sesi lawatan ini dan juga berkenan melawat reruai pameran yang dikendalikan oleh para pelajar PERMATA@Pintar yang mempamerkan projek-projek inovatif dan hasil penyelidikan serta pencapaian pelajar dalam pelbagai bidang.



Hadir sama di majlis tersebut adalah Exco Kemajuan Desa, Perpaduan dan Pengguna Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Rizam Ismail; Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Prof. Dr. Bariah Mohd Ali; Pegawai Daerah Hulu Langat, Dato' Haji Mohd Jusni Hashim; Orang Besar Daerah Hulu Langat, Dato' Orang Kaya To' Engku Maha Bijaya Hulu Langat Dato' Haji Rosli Othman; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang, Tuan Nazli Md. Taib; serta Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat, Prof. Dato' Ts. Dr. Norazah Mohd Nordin.





Halal Pharmaceutical Symposium 2024: Kerjasama Duopharma, Fakulti Farmasi & IDEA UKM

Prof. Dr. Jamia Azdina Jamal
Mohd Nur Hakim Azmi
Pusat IDEA UKM



usat IDEA dan Fakulti Farmasi

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama syarikat Duopharma Biotech Bhd telah menganjurkan Halal Pharmaceutical Symposium (HPS) 2024 pada 3 Oktober 2024 di Hotel Le Meridien, Putrajaya.

HPS 2024 yang bertemakan “Bridging Halal to Health: Fostering Inclusivity, Innovation, and Healthcare Excellence”, telah menghimpunkan para pakar, penyelidik, dan penggiat industri untuk membincangkan dan bertukar pandangan berkenaan dasar dan inisiatif bagi menyokong pembangunan, pengeluaran, serta pendedaran farmaseutikal Halal.



Di samping itu, simposium ini merupakan platform rangkaian dan peluang kerjasama dalam kalangan syarikat farmaseutikal halal, badan pensijilan Halal, institusi penyelidikan, dan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk memupuk inovasi dan amalan terbaik bagi memacu kemajuan industri farmaseutikal pada skala tempatan dan global.



HPS 2024 telah dirasmikan oleh Pengerusi Halal Development Corporation, YBr. Tuan Khairul Azwan Harun dan turut dihadiri oleh Pro Naib Canselor Kampus Kuala Lumpur, YBhg. Prof. Dato’ Dr. Hanafiah Harunarashid dengan penyertaan seramai 300 orang peserta.

UKM Iktiraf Kumpulan Penyelidikan Universiti Fasa 2 & Projek Gegar Gamat Pemacu Inovasi serta Lancar Buku Gegar Gamat Pemacu Inovasi

Izziati Mas Adaveena Abdul Ghani
Mohd Syukri Ismail
Pusat IDEA UKM



Pusat IDEA UKM telah menganjurkan Majlis Pengiktirafan Penubuhan Kumpulan Penyelidikan Universiti & Projek Gegar Gamat Pemacu perubahan serta Pelancaran Buku Gegar Gamat Pemacu Inovasi UKM pada 29 Julai 2024 bertempat di Dewan Sheikh Othman Sarawak, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Majlis ini merupakan salah satu aktiviti universiti dalam mengiktiraf para penyelidik UKM yang telah menyumbang kepada kecemerlangan penyelidikan UKM.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd. Razak, Pengerusi Lembaga Pengarah. Dalam ucapan perasmian, beliau telah menekankan bahawa penubuhan KPU berfungsi sebagai platform untuk penyelidik di UKM bekerjasama dalam pelbagai topik penyelidikan antara disiplin. Beliau juga menekankan bahawa ekosistem penyelidikan di UKM akan diperkaya dengan pelbagai inisiatif penyelidikan translasi yang bertujuan untuk memupuk inovasi sosial.

Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd. Razak seterusnya menyatakan bahawa pembentukan kumpulan itu akan meningkatkan usaha penyelidikan sejajar dengan salah satu fokus utama pelan pendidikan tinggi yang telah digariskan oleh Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi, semasa amanat tahun 2024 iaitu "Pengukuhan Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi", bertujuan untuk memacu usaha penyelidikan yang menyumbang kepada kesejahteraan negara.

Sejumlah 37 Kumpulan Penyelidikan UKM telah berjaya ditubuhkan pada fasa 2, menjadikan jumlah keseluruhan KPU kepada 95 kumpulan. UKM menasaskan untuk menubuhkan sehingga 120 Kumpulan Penyelidikan UKM menjelang 2024 bagi memperkukuh kluster penyelidikan universiti.

Majlis ini turut mengiktiraf 15 penyelidik yang berjaya mendapat pengiktirafan projek yang bersifat gegar gamat pemacu perubahan, iaitu projek penyelidikan berinovasi dan berimpak tinggi dengan hasil yang telah diterjemahkan untuk manfaat pihak berkepentingan dan mempunyai impak yang boleh diukur. Matlamat pengiktirafan ini adalah untuk mengiktiraf penyelidik dan menyerlahkan hasil penyelidikannya yang berpotensi untuk menjadi pemacu perubahan kepada pembangunan sosioekonomi, sains, teknologi dan kesihatan agar menjadi contoh kepada penyelidik lain di UKM.

Pada majlis ini juga, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd. Razak turut melancarkan Buku Gegar Gamat Pemacu Inovasi UKM. Sijil pengiktirafan ini telah disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd. Razak dan Pro Naib Canselor Strategi dan Kewatanan, Prof. Dato' Dr. Roslee Rajikan.



Pusat IDEA UKM Lancar Podcast Cetusan IDEA, Fokuskan Penyelidikan Translasi dan Inovasi

Prof. Madya Dr. Wan Zawiah Wan Zin
Siti Aisyah Zakaria
Pusat IDEA UKM



SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS



Pusat IDEA UKM telah melancarkan Podcast Cetusan IDEA, sebuah siri podcast yang memfokuskan kepada tema penyelidikan dan inovasi. Sebanyak enam episod podcast telah dirakam dengan n penglibatan kesemua kluster penyelidikan di UKM.

Podcast ini bertujuan untuk berkongsi maklumat mengenai penyelidikan yang telah serta masih dijalankan berkaitan isu-isu semasa terutamanya yang berbentuk translasi dan berbentuk gegar gamat pemacu perubahan. Ianya turut bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan pemahaman bagaimana penyelidikan yang dijalankan dapat memberi impak kepada masyarakat dan negara, khususnya dalam penyelidikan berbentuk translasi. Sementara itu, penyelidikan gegar gamat pemacu perubahan pula memberi tumpuan kepada projek-projek inovatif yang dapat menyelesaikan masalah sosial dan ekonomi, serta memacu perubahan positif dalam masyarakat.



Setiap episod podcast Cetusan IDEA menampilkan penceramah utama dari pelbagai kluster penyelidikan di UKM, iaitu ahli akademik dan penyelidik UKM. Mereka berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka dalam menjalankan penyelidikan yang berimpak tinggi, serta bagaimana penyelidikan ini dapat diterjemahkan menjadi solusi praktikal yang memberi manfaat kepada komuniti.

Podcast Cetusan IDEA bukan sahaja menjadi platform untuk berkongsi pengetahuan akademik, tetapi juga berfungsi sebagai wadah bagi memperkenalkan inovasi terbaru yang boleh memberi impak positif kepada pembangunan negara dan dunia. Podcast Cetusan IDEA episod pertama telah diterbitkan melalui akaun YouTube Pusat IDEA UKM (<https://tinyurl.com/nhfxcyed>) pada 14 Oktober 2024.





Selangor Life Sciences Convention (SLC) 2024

Prof. Dr. Poh Bee Koon
Nurul Nadziffah Kamaruzaman
Pusat IDEA UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mengambil bahagian dalam Pameran Perdagangan Selangor Life Sciences Convention (SLC) 2024 yang berlangsung dari 16 Oktober 2024 hingga 19 Oktober 2024 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Pameran perdagangan ini dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui Invest Selangor Berhad dan merupakan sebahagian daripada Selangor International Business Summit 2024, program tahunan terbesar di Selangor.

Reruai Universiti Kebangsaan Malaysia pada pameran ini melibatkan entiti Penyelidikan dan Inovasi UKM yang terdiri daripada:

1. Pusat IDEA UKM
2. Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi UKM (INOVASI@UKM)
3. Penerbit UKM
4. Pusat Pengurusan Makmal Alami dan Fizikal UKM (ALAF-UKM)



Pameran SLC 2024 adalah platform penting bagi entiti Penyelidikan dan Inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk mempamerkan produk-produk yang telah berjaya dikomersialkan serta perkhidmatan yang ditawarkan. Ia juga membuka ruang kerjasama dan kolaborasi antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan pelbagai pihak, termasuk industri, kerajaan serta organisasi bukan kerajaan. Pameran ini juga berpotensi untuk memperluas hubungan dan kerjasama dengan pihak antarabangsa lantas memperkukuh lagi jaringan penyelidikan dan inovasi dalam pelbagai bidang.

Pusat IDEA Penyelaras UKM bagi Kuala Lumpur Engineering Science Fair

Prof. Dr. Zulkefly Abdul Karim
Mohd Nur Hakim Azmi
Pusat IDEA UKM

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengambil bahagian dalam penganjuran program Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF) 2024 yang berlangsung daripada 8 hingga 10 November 2024 di Mines International Exhibition & Convention Centre (MIECC). KLESF ini merupakan acara tahunan yang mempamerkan pelbagai projek, inovasi, dan aktiviti dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) untuk memberi pendedahan, inspirasi dan mendidik golongan muda mengenai dunia sains kejuruteraan dan teknologi.

Pusat IDEA selaku urusetia di peringkat UKM telah mengambil peluang ini dengan membawa beberapa orang penyelidik UKM yang terlibat secara langsung dalam produk berkaitan STEM.

Produk-produk yang dipamerkan oleh penyelidik UKM telah menarik minat dan tumpuan pengunjung yang membolehkan mereka bermain sambil mempelajari teknologi yang diperkenalkan hasil daripada penyelidikan yang dijalankan. Pameran ini turut membuka peluang dan ruang untuk menjalin kolaborasi dengan pihak industri, serta meneroka potensi kerjasama dalam mengembangkan inovasi dan penyelidikan dalam bidang STEM.



Prof. Ir. Dr. Norhana Arsad dari Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) telah memperkenalkan produk inovasi bertajuk "Learning Science and Technology: LESTA-X", manakala Prof. Madya Dr. Azmin Sham Rambly dari Fakulti Sains dan Teknologi (FST) mengetengahkan produk pendidikan "Sifira-Game Multiplication Table" untuk memudahkan pembelajaran sifir. Prof. Ts. Chm. Dr. Rizafizah Othaman, juga dari FST, menghasilkan produk "Exploring Science Expanding Minds" yang bertujuan memperkasa ilmu sains dengan pendekatan interaktif. Sementara itu, Prof. Madya Ir. Dr. Nazrul Anuar Nayan dari FKAB memfokuskan kepada latihan teknologi tinggi melalui produk "Robotic, Drone and IoT Training", dan Prof. Madya Ts. Dr. Haryanti Mohd Affandi, juga dari FKAB, memperkenalkan inovasi sukan berasaskan teknologi melalui produk "Drone Soccer".



SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS





Bicara Buku Penyelidikan Gegar Gamat Pemacu Inovasi UKM

Mohd Syukri Ismail
Nor Eloni Nor Azmi
Pusat IDEA UKM



Pesta Buku Antarabangsa Selangor 2024 telah berlangsung pada 27 November hingga 3 Disember 2024 bertempat di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Pusat IDEA dengan kerjasama PENERBIT UKM telah diberi slot khas oleh Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) bagi mengadakan sesi bedah buku “Buku Penyelidikan Gegar Gamat Pemacu Inovasi UKM” menerusi ruang sesi Republika Merah.

Pada sesi bicara buku ini, Pusat IDEA telah menampilkan YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Zawiah binti Wan Zin @ Ibrahim, Timbalan Pengarah Pusat IDEA UKM selaku Moderator, YBhg. Prof. Dr. Jamia Azdina binti Jamal, Pengarah Pusat IDEA UKM dan

YBhg. Prof. Dr. Zulkefly bin Abdul Karim, Peneraju Kluster Penyelidikan Transformasi Sosial dan Ekonomi (TSE) UKM sebagai Panelis bagi sesi tersebut. Kedua-dua panelis merupakan penyunting bagi buku penyelidikan Gegar Gamat Pemacu Inovasi tersebut.

Dalam sesi bedah buku ini, kedua-dua penyunting telah mengupas kandungan buku yang menyajikan sepuluh (10) projek penyelidikan berimpak tinggi daripada bidang sains, teknologi dan perubahan serta bidang sains sosial. Sesi ini turut disiarkan secara langsung menerusi akaun media sosial MAPIM.



SUSTAINABLE
DEVELOPMENT
GOALS





Sidang Idea Malaysia (MyIDEAS) sempena Putrajaya Festival of Ideas 2024

Prof. Dr. Muhammad Rizal Razman
Siti Aisyah Zakaria
Pusat IDEA UKM

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengadakan Sidang Idea Malaysia (MyIDEAS) bersempena Putrajaya Festival of IDEAS (PFOI) pada 28 November 2024 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Pusat IDEA UKM selaku urusetia Universiti Kebangsaan Malaysia bagi PFOI, KPT telah menganjurkan satu sesi forum bertajuk "Kelestarian dalam Tindakan: Menangani Cabaran Perubahan Iklim Ke Arah Kesejahteraan Masyarakat" pada 28 November 2024.

Sidang ini dimoderasi oleh YBhg. Prof. Dr. Muhammad Rizal Razman, Pengeraju Kluster Penyelidikan Sumber Lestari Alam Sekitar dan Kehidupan Pintar UKM. Barisan panel terdiri daripada YBhg. Prof. Joy Jacqueline Pereira, Institut Alam Sekitar & Pembangunan (LESTARI) UKM, YBhg. Prof. Dr. Siti Kartom Kamarudin, Pengarah Institut Sel Fuel UKM dan YBrs. Dr. Hartini Mohd Nasir, Setiausaha Bahagian Perubahan Iklim, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam Sekitar.



Sesi ini dapat meningkatkan kesedaran mengenai status perubahan iklim yang dihadapi oleh dunia serta langkah-langkah yang diambil oleh agensi antarabangsa dan kerajaan dalam menangani isu berkaitan dengan perubahan iklim.

Sidang Selari 8 ini diserikan lagi dengan kehadiran YBhg. Prof. Dato' Wan Kamal Mujani, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi Universiti Kebangsaan Malaysia serta YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Zawiah Wan Zin, Timbalan Pengarah Pusat IDEA UKM. Seramai 200 orang peserta telah hadir bagi memeriahkan lagi forum ini.





Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

Nor Eloni Nor Azmi
Mohd Nur Hakim Azmi
Pusat IDEA UKM

Satu majlis pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah berlangsung dalam majlis Perasmian Program Tripartite Engagement Session 2024 (Outcome) anjuran JPK pada 4 Disember 2024 di Hotel Sama-Sama KLIA, Sepang.

UKM diwakili oleh YBhg. Prof. Dr. Jamia Azdina Jamal, Pengarah Pusat IDEA manakala YBrs. Ts. Zuleah Darsong, Ketua Pengarah JPK. Majlis ini disaksikan oleh YBhg. Datuk Azman Bin Mohd Yusof, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia. Memorandum Persefahaman (MoU) ini adalah kesinambungan daripada MoU yang telah berakhir pada 1 September 2024, yang mana kedua-dua pihak bersetuju untuk meneruskan kerjasama ini bagi tempoh lima tahun.

Kesinambungan MoU ini merupakan satu kerjasama strategik yang penting dalam mengukuhkan lagi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi mencapai kecemerlangan bersama khususnya dalam bidang penyelidikan dan inovasi, akademik dan kepimpinan.

Turut hadir sama wakil UKM YBrs. Prof. Madya Dr. Wan Zawiah Wan Zin @ Wan Ibrahim, Timbalan Pengarah Pusat IDEA, YBrs. Prof. Madya Dr. Khadijah Alavi, Penyelaras MoU Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) serta pegawai-pegawai Pusat IDEA.





Bengkel Pengukuhan Pasukan Pusat IDEA: Langkah Baru Ke Arah Kecemerlangan

Prof. Dr. Jamia Azdina Jamal
Prof. Madya Dr. Wan Zawiah Wan Zin
Pusat IDEA UKM



Pusat IDEA UKM telah mengadakan "Bengkel Pemantapan dan Pengukuhan Pasukan" bertempat di Olive Tree Hotel, Pulau Pinang dari 5 sehingga 8 Disember 2024. Bengkel ini merupakan inisiatif penting untuk memperkasa semua warga IDEA dalam mempertingkatkan kemahiran serta memperkukuh semangat kerjasama berpasukan.

Encik Norrul Izuhan Bin Shafri, Ketua Penolong Pendaftar di Jabatan Sumber Manusia, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, dilantik sebagai penceramah utama bagi sesi ini kerana kepakaran dan pengalamannya yang luas dalam bidang pembangunan modal insan. Sebagai seorang instructor NLP (Neuro-Linguistic Programming) bertauliah, beliau memiliki keupayaan untuk mengaplikasikan teknik komunikasi yang berkesan, mendorong perubahan tingkah laku positif, serta memperkasa strategi kepimpinan dalam pelbagai konteks profesional.



Sepanjang sesi ini, beliau telah merangka dan mengendalikan beberapa latihan pengukuhan pasukan yang interaktif dan bermakna, memberikan manfaat besar kepada pasukan IDEA dalam memperkukuhkan dinamika kerja berpasukan serta meningkatkan keupayaan kepimpinan dan komunikasi mereka.

Para peserta bengkel telah dibimbing berkenaan semangat kerjasama melalui aktiviti-aktiviti berkumpul yang menggalakkan sinergi dalam kalangan ahli pasukan. Bengkel ini memberi peluang kepada semua warga Pusat IDEA untuk saling bertukar pandangan dan pengalaman, sekali gus memperkukuhkan hubungan sesama mereka.

Di samping itu, bengkel ini juga memberi penekanan kepada pembinaan kemahiran kepimpinan di kalangan para peserta yang berkaitan peranan masing-masing dalam mencapai visi dan misi organisasi. Para peserta diberi peluang untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam pengurusan diri dan pasukan, serta mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan tahap prestasi masing-masing.

Dengan pengukuhan kerjasama dan kemahiran komunikasi yang lebih baik, Pusat IDEA berharap warga kerjanya dapat bergerak dengan lebih padu dan cemerlang dalam melaksanakan tugas-tugas.





*Nadi Translasi*TM
@IDEA-UKM